

Suatu rahmat

PERDANA Menteri Datuk Hussein Onn telah pun mengumumkan tarikh persaraannya — 16 Julai. Mulai tarikh itu Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pula akan mengambil alih kepimpinan negara. Adalah suatu rahmat yang besar kepada negara bahawa peralihan kuasa ini berlaku dalam bulan Ramadan. Demikian juga negara ini amat bertuah kerana pemimpin yang berundur dan yang mengganti, sama-sama mempunyai sifat-sifat yang boleh memastikan penerajuan negara ke arah kemajuan, kemakmuran dan keadilan yang lebih mantap. Jika Datuk Hussein Onn terkenal sebagai pemimpin yang jujur, teliti, berdisiplin tetapi berhati waja, bayangan keperibadian Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri sudah dapat dibaca dari sikapnya masa lepas, dan lebih jelas dari apa yang tersirat dalam ucapannya di akhir Perhimpunan Agung UMNO kelmarin.

Sifat berterus-terangnya sudah amat terkenal. Tetapi beliau juga adalah seorang yang insaf akan kekuatan dan kelemahannya, menghargai fikiran orang lain dan akan meneruskan tradisi UMNO dalam menghormati pemimpin yang lepas. Secara terus-terang beliau mengakui bahawa beliau bukanlah hipokrit untuk tidak merasa bangga menerima jawatan tertinggi sebagai Presiden UMNO. Secara tersirat tentunya beliau juga amat bangga kerana berjaya mendaki kemuncak cita-cita politiknya menjadi Perdana Menteri. Tetapi beliau juga sentiasa insaf, dan ingin diinsafkan, tentang kelemahannya. Peningkatannya sebagai Presiden UMNO yang dipilih dan bukannya diangkat oleh Presiden yang lepas, katanya, memberi kesempatan kepadanya menguji tahap sokongan UMNO "supaya saya insaf." Demikian juga beliau amat menyedari bahawa sokongan yang diterimanya bukanlah bulat, dan "kesedaran ini akan menentukan saya tidak akan lupa daratan."

Bila beliau memberi sanjungan yang mengharukan terhadap ketulusan Datuk Hussein Onn dan Tunku Abdul Rahman kerana kerelaan luarbiasa mereka melepaskan kuasa, tradisi UMNO dan orang Melayu menghormati pemimpin yang lepas ternyata berterusan. Tetapi lebih dari itu beliau menambah pula satu lagi kebiasaan — beliau tidak saja setakat menghormati mereka sebagai "abang tua" tetapi akan menimba nasihat dari mereka. Ertinya pengalaman luas Datuk Hussein Onn akan terus digunakan dalam UMNO dan Kerajaan. Dan tradisi UMNO tidak terhenti setakat itu saja. Dalam ucapannya itu jelas terbayang bahawa beliau juga akan mengikut jejak luarbiasa Datuk Hussein Onn dan Tunku Abdul Rahman menurunkan kuasa secara teratur kepada pemimpin akan datang bila masanya sudah tiba. Segalanya ini adalah jaminan paling kuat bahawa negara ini serta rakyatnya akan terus menikmati masa depan yang maju, tenteram serta makmur.

Bahan asal dari Arkib